

KHUTBAH JUMAAT

“SEDAR SEBELUM SESAL”

(8 Mei 2026M/ 20 Zulkaedah 1447H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا، وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْ لَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Berikanlah tumpuan yang sepenuhnya kepada khutbah yang disampaikan, hindari perkara-perkara *lagha*, berbual-bual dan berinteraksi dengan telefon bimbit di tangan. Mudah-mudahan kita meraih kesempurnaan ganjaran solat Jumaat yang dijanjikan. Marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk “**Sedar Sebelum Sesal**”

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Islam memberi perhatian yang besar kepada semua perkara yang boleh memberi kebaikan kepada kehidupan dunia dan akhirat termasuklah kesucian jiwa. Kesucian jiwa adalah kemuncak dalam beragama yang berfungsi melahirkan individu yang berakhlak mulia dengan mematuhi segala syariat Islam.

Kehidupan manusia dipandu dengan syariah yang telah ditetapkan oleh Allah *subhanahu wata'ala*. Perkara yang berkaitan dengan halal dan haram merupakan garis pemisah antara orang yang beriman dan orang yang ingkar terhadap perintah dan larangan Allah *subhanahu wata'ala*. Maka, manusia yang mengabaikan tuntutan syariat ini akan mudah terjerumus dalam perbuatan yang boleh merosakkan diri dan masyarakat.

Justeru, menjadi kewajipan utama bagi setiap orang yang beriman untuk memelihara diri daripada segala bentuk kemungkaran dan kemaksiatan dalam kehidupan seharian. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Baqarah, ayat 195:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ .. وَأَحْسِنُوا .. إِنَّ
اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ (١٩٥)

Maksudnya: *Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) ugama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha*

dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Penyalahgunaan dadah dan bahan terlarang adalah simbol kelalaian hati dan hubungan spiritual yang jauh daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Dadah bukan sekadar serbuk, pil atau suntikan, bahkan racun moden yang membunuh perlahan-lahan. Dadah bukan hanya merosakkan akal dan tubuh, tetapi mengheret jiwa ke lembah kehinaan.

Ketagihan dadah boleh mengganggu perasaan dan jiwa, lalu membuatnya rasa kosong dan jauh daripada rahmat Allah *subhanahu wata'ala*. Jiwa yang sepatutnya diisi dengan zikrullah dan amal soleh, mula dipenuhi dengan pemikiran dan tingkahlaku yang melalaikan. Oleh yang demikian, kembali kepada menghayati perintah Allah *subhanahu wata'ala* dan Rasul-Nya *sallallahu alaihi wasallam* adalah ubat utama dalam pemulihan diri dan rohani.

Apabila hubungan dengan Allah *subhanahu wata'ala* telah terhakis, maka hubungan sosial sesama manusia menjadi rosak dan porak peranda. Jenayah berlaku di sana sini, pengabaian tanggungjawab ibu bapa dalam institusi keluarga, malah terputusnya hubungan silaturrahim sesama saudara angkara dadah durjana.

Ramai anak muda yang dulunya berpotensi menjadi pemimpin, akhirnya tersungkur menjadi hamba kepada ketagihan. Ramai anak-anak yang terabai daripada kasih sayang gara-gara ibu bapa yang

hanyut dengan dadah setiap masa. Tidak kurang juga ramainya ibu bapa yang tidak tidur lena kerana risau terhadap ancaman dadah kepada anak-anak mereka. Sesungguhnya, dadah merupakan salah satu daripada punca kerosakan kepada hubungan manusia kepada Tuhan dan sesama manusia. Oleh itu, beringatlah dan jauhkanlah diri daripada mencuba walaupun sekali.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada masa yang sama, janganlah kita memandang para penagih dadah yang telah insaf dan berusaha untuk kembali ke pangkal jalan sebagai sampah masyarakat. Sebabnya, ada jiwa yang sedang merintih meminta bantuan di sebalik jasad yang lemah itu. Penyalahgunaan dadah bukan sekadar masalah undang-undang, malah ia adalah jeritan hati yang sunyi. Mereka bukan sekadar perlukan rawatan, malah sentuhan iman dan kasih sayang.

Kita perlu mengubah tanggapan negatif kepada mereka yang pernah terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan kini telah pun insaf. Sebagai masyarakat yang prihatin dan budiman, kita hendaklah menerima mereka kembali dan tidak menghukum, tidak menghina atau membiarkan mereka tanpa bantuan.

Islam tidak membenarkan kita mengutuk pesalah yang telah insaf dan bertaubat daripada kesalahannya. Maka setiap rumah hendaklah menjadi benteng iman, setiap bapa mestilah menjadi pemimpin yang menjaga anak-anaknya daripada perkara negatif dan

setiap masjid hendaklah menjadi tempat sokongan pemulihan dan peningkatan taqwa.

Berilah peluang dengan membantu mereka kembali kepada kehidupan yang tenang, bahagia dan tenteram. Bimbinglah mereka ke masjid, ajaklah mereka untuk solat dan membuat kebaikan bersama, sokonglah kehidupan sosial mereka dengan memberi peluang pekerjaan, dan berilah harapan bahawa pintu taubat masih terbuka seluas-luasnya selagi hayat dikandung badan. Daripada Saidina Anas bin Malik *radiallahu anhu*, Nabi *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((كُلُّ ابْنِ آدَمَ خَطَّاءٌ، وَخَيْرُ الْخَطَّائِينَ التَّوَّابُونَ))

Maksudnya: *Setiap anak Adam (manusia) itu ada melakukan kesalahan (dosa), dan sebaik-baik orang yang melakukan kesalahan (dosa) itu adalah orang yang bertaubat.*

(Hadis riwayat Imam at-Tirmizi)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Berdasarkan akta yang telah dipinda, kerajaan melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah membuka peluang penagih dan penyalahguna dadah dan bahan terlarang seperti ketum, gam dan bahan psiko aktif untuk mendapatkan rawatan dan pemulihan secara sukarela di mana sahaja pusat pemulihan. Sebarang aduan, maklumat dan pertanyaan yang berkaitan boleh disalurkan melalui talian *hotline* AADK atau aplikasi whatsapp.

Marilah kita bersama-sama memerangi ancaman penyalahgunaan dadah dan bahan dengan iman, ilmu dan kasih sayang. Didiklah anak-anak dan ahli keluarga kita dengan nilai agama dan kenali tanda-tanda awal bahaya ini seperti perubahan fizikal, emosi dan tingkah laku. Jauhilah tempat yang membawa kepada maksiat dan pergaulan yang boleh menjerumuskan ke arah kerosakan.

Sesungguhnya, kejayaan melawan ancaman penyalahgunaan dadah dan bahan ini bukan hanya apabila penagih itu berhenti dan insaf, tetapi apabila masyarakat berubah daripada menghina kepada membantu, menyisihkan kepada memulihkan. Biarlah kehadiran seorang manusia memberi kebaikan kepada ribuan orang, dan sebaliknya, jangan benarkan seorang manusia memberi keburukan pula kepada ribuan orang. Bentuklah mereka sebagai umat Islam yang kuat dan memberi manfaat pada masa akan datang. Sesal di dunia membina jiwa, sesal di akhirat meruntuhkan segala.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Di penghujung khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran penting:

Pertama: Umat Islam hendaklah memelihara akal yang merupakan salah satu daripada maqasid syariah yang telah ditetapkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* bertujuan memandu kehidupan manusia ke jalan yang benar.

Kedua: Umat Islam perlu sedar bahawa apabila seorang terjebak dengan penyalahgunaan dadah, kesannya bukan hanya pada

dirinya sendiri tetapi juga kepada keluarga, masyarakat dan negara. Oleh itu, setiap lapisan masyarakat mempunyai peranan yang tersendiri dalam menangani ancaman ini.

Ketiga: Masyarakat hendaklah sedar bahawa kerajaan sentiasa terbuka untuk membantu mereka yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan bahan terlarang. AADK bukan tempat untuk menghukum tetapi membantu mereka pulih dan kembali ke pangkuan masyarakat.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah az-Zumar, ayat 53:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
﴿قُلْ يَاعِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ اللَّهِ ۚ
إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا ۗ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ (٥٣)﴾

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai hamba-hamba-Ku yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dia lah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Teruslah istiqamah menghidupkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu.

Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Pastikan rezeki yang kita perolehi adalah halal lagi baik, agar hidup kita mendapat berkat. Imam at-Tabarani *rahimahullah* meriwayatkan daripada Ibnu Abbas *radiallahu anhuma* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((... وَأَيُّمَا عَبْدٍ نَبَتَ لَحْمُهُ مِنَ السُّحْتِ وَالرِّبَا فَالِنَّارُ أَوْلَى بِهِ))

Maksudnya: Sesiapa sahaja daripada kalangan manusia, dagingnya itu tumbuh dari perkara yang haram dan amalan riba, api nerakalah yang patut (untuk membakar dan menghilangkan) daging tersebut.

Hindarkanlah diri dan keluarga kita daripada segala perkara yang boleh memudaratkan seperti penyalahgunaan dadah, bahan inhalan dan ketum, perjudian serta segala bentuk maksiat. Semua ini hanya

membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, bantulah saudara-saudara kami yang memerlukan bantuan di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Gaza dan Asia Barat. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

Ya Allah, Ya Ghaffaar, ampunilah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkan ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah peribadi mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

Ya Allah, Ya Hadi, Ya Hakim, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Hafiz, Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah. Kekalkanlah kesatuan kami dalam akidah, ibadah dan akhlak atas pegangan Ahli Sunnah Wal

Jama'ah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesehatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diinginkan.

رَبَّنَا أُنْتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.